

27 AUG 1999

Mahathir-Kad

DR MAHATHIR TERIMA KAD HARI KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Pelbagai lapisan masyarakat menyambut ketibaan Hari Kebangsaan dengan pelbagai cara dan mahu supaya cara mereka menghargai dan menyambut hari itu dikongsi bersama rakyat negara ini.

Seperti hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukan sahaja menerima kad Hari Kebangsaan yang ditandatangani oleh 5,000 pekerja dari syarikat Kumpulan Lion, malah menerima kunjungan sekumpulan pelajar yang mahu menyampaikan cenderamata sebagai tanda terima kasih di atas sumbangan beliau kepada negara ini.

Kumpulan pelajar berkenaan ialah dari Kolej Yayasan Saad dan murid-murid dari Pusat Khidmat Komuniti untuk Orang Pekak, Bukit Nanas.

Pengetua Kolej Yayasan Saad, Ramli Maidin berkata sumbangan lukisan batik kepada Perdana Menteri itu adalah bagi menghargai sumbangannya kepada pembangunan negara ini.

"Kita anggap ini (sumbangan) satu pendidikan kepada pelajar. Kita nak tanamkan nilai-nilai murni di kalangan pelajar supaya menghargai pemimpin-pemimpin negara yang telah mengharumkan nama negara di mata dunia," katanya yang turut diiringi 40 pelajar kolej itu.

Katanya, dua pelajar tingkatan dua kolej itu mengambil masa dua hari menyiapkan lukisan berkenaan yang berlatar-belakangkan pembangunan pesat negara ini.

Sementara itu, Eksekutif Kanan Komunikasi Korporat Kumpulan Lion Fauziah Harun berkata kad setinggi 42 inci itu adalah untuk rakyat negara ini yang disampaikan melalui Perdana Menteri.

"Kita mempunyai 20,000 pekerja dan kami mahu semangat kami menyambut Hari Kebangsaan ini dikongsi bersama dengan rakyat negara ini," katanya.

Dr Mahathir turut memotong kek coklat "Jalur Gemilang" seberat 5kg sumbangan Century Hotel.

-- BERNAMA

NZ AKD